

Megah Sedaya, NS Corp bangun tanah baharu

Kuala Lumpur: Matrix Concepts Holdings Bhd (Matrix Concepts) melalui anak syarikatnya, Megah Sedaya Sdn Bhd memeterai perjanjian pembangunan tanah baharu dengan NS Corporation (NS Corp) di dalam Lembah Wawasan Malaysia (MVV) 2.0.

Pembangunan tanah baharu seluas 405 hektar itu adalah tambahan kepada pemilikan Matrix Concepts di dalam MVV 2.0 sebelum ini seluas 559 hektar yang dimeterai pada Ogos 2022.

Matrix Concepts berkata, secara gabungan kumpulan kini mempunyai 964 hektar tanah yang akan dibangunkan di dalam MVV 2.0, sekali gus bakal menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dalam pembangunan lestari berimpak tinggi.

Di bawah syarat perjanjian pembangunan tanah



KETUA Pegawai Eksekutif NS Corporation, Norazhar Musa (empat dari kiri) bertukar dokumen perjanjian pembangunan tanah baharu bersama Pengarah Urusan Kumpulan Matrix Concepts Holdings, Ho Kong Soon (empat dari kanan).

itu katanya, NS Corp memberikan hak pembangunan kepada Megah Sedaya, syarikat tujuan khas (SPV) yang akan bertindak sebagai pemaju induk tanah bernilai RM435.6 juta itu.

Selain itu, Matrix Concepts dan NS Corp turut menandatangani perjanjian usaha sama strategik

(SJVA) bagi tanah seluas 559 hektar yang membolehkan perkongsian ekuiti 85:15 dengan Matrix Concepts sebagai pemegang majoriti.

"Kumpulan akan menerajui pembangunan tanah baru daripada pelan tindakan induk, pelaksanaan dan penyampaian kompo-

nen pembangunan selain mendapatkan keperluan pembiayaan diperlukan.

"Pertimbangan untuk hak pembangunan dan kos pembangunan awal hendaklah dibiayai melalui campuran dana dan pinjaman yang dijana secara dalaman," katanya dalam satu kenyataan.